

13/01/1998

Kestabilan bantu tangani kegawatan (HL)

Radzi Wahab; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia mampu menangani masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham sekarang dengan agak baik kerana kestabilan yang dinikmati di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sentiasa bekerja keras untuk memastikan kestabilan dan kerana itu, berupaya mengendalikan masalah yang disifatkan sebagai `ribut yang sesekali melanda' dengan begitu cemerlang.

"Memanglah kita tidak akan dapat mengatasinya tanpa mempunyai sebarang kesan langsung. Kita akan mengalami sedikit sebanyak lebam atau bengkak di sana sini tetapi rakyat Malaysia akhirnya akan dapat keluar daripadanya dengan selamat.

"Sehubungan itu, melabur di Malaysia masih lagi menjadi satu tindakan yang bijak," katanya ketika merasmikan Dialog Pasifik Ke-4 yang disertai lebih 60 pemimpin politik, pembuat dasar dan cendekiawan Asia Pasifik, di sini hari ini.

Persidangan dua hari anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Pusat Dasar Asia Pasifik Washington dan Institut Kajian Dasar Malaysia (IKD) itu, dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Antara yang hadir ialah Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, William Cohen, bekas Setiausaha Negara Amerika, Henry Kissinger dan Timbalan Menteri Luar Thailand, Dr Sukhumbhand Paribatra.

Dr Mahathir, yang menyifatkan kestabilan adalah sesuatu yang disukai kerajaan tetapi dibenci pembangkang, berkata kerajaan mahu kestabilan wujud bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Pasifik.

"Walaupun kita mahu melihat kestabilan wujud di seluruh dunia, tidak banyak yang dapat kita lakukan. Kita telah berusaha keras untuk mewujudkan kestabilan di Malaysia dan walaupun menghadapi tentangan, kita mencapai kejayaan yang agak baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bangga dengan sikap rasional dan bersatu padu yang ditunjukkan rakyat apabila semua kaum berupaya hidup dan saling bekerjasama sejak peristiwa hitam 1969 yang menyaksikan rusuhan kaum dan ramai terbunuh.

Malaysia juga, katanya, berupaya mengekalkan demokrasi tanpa perlu menghadapi ketidakstabilan dengan kerajaan sentiasa peka terhadap hakikat bahawa pemilihan semula banyak bergantung kepada prestasi yang ditunjukkan.

Sejak 1957, kerajaan turut memberi tumpuan ke arah membangunkan seluruh negara ini, dari luar bandar ke bandar, tanpa mengetepikan kepentingan pelbagai kaum.

"Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia mengambil pendekatan `memakmurkan negara jiran anda'. Kami tidak percaya dengan permainan yang menekankan pencabar anda harus kerugian jika anda mahu menang.

"Kami juga tidak berminat untuk menghapuskan pencabar semata-mata supaya kami boleh memperolehi apa yang mereka miliki. Sebaliknya, kami percaya formula menang-menang membolehkan semua pihak memperolehi keuntungan," katanya.

Dengan mengambil contoh Vietnam, Dr Mahathir berkata, pelaburan Malaysia di negara itu membantu negara Indochina itu melakukan pemulihan dengan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan.

Secara tidak langsung, keadaan itu membolehkan rakyat pelarian Vietnam mula pulang ke negara asal mereka dan sekali gus menyelesaikan masalah penghijrahan dan pendatang tanpa izin.

Menurutnya, jika tindakan `memiskinkan jiran diambil', masalah mereka sebenarnya melimpah ke negara sendiri dan akan mengakibatkan antara lain, penghijrahan beramai-ramai.

"Kami di Malaysia percaya jika jiran kami lebih miskin daripada kami, negara ini akan berdepan dengan masalah penghijrahan serta pelbagai kegawatan lain. Tetapi nasib baik, kita juga miskin seperti mereka sekarang. Jika dulu, kami pernah mempunyai hampir dua juta pekerja asing, sekarang kami terpaksa menghantar pulang satu juta," katanya.

Walapun mengakui rantau ini menghadapi masalah, Perdana Menteri percaya itu faktor itu sebenarnya meredakan masalah itu sendiri.

(END)